

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 4 NOVEMBER 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

## Sasaran KDNK Malaysia kekal tidak terjejas

### Sasaran KDNK Malaysia kekal tidak terjejas

**Kuala Lumpur:** Sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia antara 4.0 dengan 5.0 peratus bagi tahun ini kekal tidak terjejas, disokong oleh kemajuan yang lebih baik dari peringkat global terutama di China, menurut pandangan Interpacific Asset Management.

Ketua Ahli Ekonomi dan Pengurus Dana Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan berkata, kemajuan dari peringkat global itu boleh menimbulkan kesan domino terhadap Malaysia walaupun unjuran pertumbuhan ekonomi suku ketiga 2023 adalah rendah.

Beliau berkata, sasarannya yang ditetapkan pihaknya itu berada dalam lingkungan julat sasaran Bank Negara Malaysia dan masih boleh dicapai walaupun unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia pada 2.9 peratus bagi suku ketiga 2023.

“Sudah pasti, pada masa sama, Malaysia perlu menambah baik kutipan cukai, mengurangkan subsidi menyeluruh dan menyediakan subsidi bersasar yang mencukupi seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024.

“Apabila semun ini dilaksanakan, kita boleh menyaksikan Malaysia boleh mencatatkan julat lebih tinggi atau mencapai sasaran lima peratus,” katanya kepada Bernama.

Jabatan Perangkaan Malaysia mengunjurkan KDNK Malaysia bagi suku ketiga 2023 berkembang sebanyak 3.3 peratus.

Bank pusat itu dijadual mengumumkan pertumbuhan KDNK suku ketiga 2023 secara rasmi pada 10 November 2023.

Nazri Khan yang menjamak semula dirinya sebagai DNDN berkata, Belanjawan Kerajaan Madani 2024 yang dibentangkan bulan lepas, menjadi belanjawan terbesar dalam sejarah Malaysia dengan RM393.8 bilion.

Menerusi belanjawan itu, kerajaan akan membantu negara pulih daripada kesusahan ekonomi semasa dan, pada masa yang sama, terus menjaga kesejahteraan rakyat, katanya.